

KERATAN AKHBAR

EDITOR: KHAIRUL AMRI YASIN PENOLONG EDITOR: ASMALIZA MANSOR, IZWAN ROZLIN & ASWANY OMAR

English is Fun di Tabika Kemas

Bahasa Inggeris diperkasa dalam pembelajaran Tabika Kemas

HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR

Pembekalan penggunaan bahasa Inggeris akan diberi perhatian dalam sesi pembelajaran Taman Bimbingan Kanak-Kanak Jabatan Kemajuan Masyarakat (Tabika Kemas) seluruh negara.

Ketua Pengarah Kemas, Datuk Amiruddin Ariffin, berkata, Program English Is Fun merupakan salah satu inisiatif yang bakal dilaksanakan serentak di 11,082 Tabika Kemas sedia ada bermula tahun ini.

Menurutnya, berkonsepkan English Day, ia disifatkan mampu membudayakan penggunaan Bahasa Inggeris dan memberikan persekitaran positif sekaligus mengukuhkan Bahasa Inggeris di Tabika Kemas.

"Aktiviti pembelajaran



Amiruddin ketika lawatan rasmi ke Tabika Kemas Kuarters Kakitangan Kerajaan, Jalan U-Thant di ibu negara, semalam

interaktif akan disediakan sebagai bahan bantu mengajar seperti dalam bentuk animasi dan motion graphic.

"Dalam masa sama kursus akan diberikan kepada guru-guru untuk menerapkan penggunaan Bahasa Inggeris dalam pembelajaran.

"Ia akan mengikut standard pelajaran dimana sebanyak 50 peratus penggunaan Bahasa Inggeris diterapkan

setiap hari di Tabika Kemas," katanya sempena lawatan rasmi ke Tabika Kemas Kuarters Kakitangan Kerajaan, Jalan U-Thant, semalam.

Dalam pada itu, Amiruddin berkata, Pendidikan Science, Technology, Religion, Engineering, Arts & Mathematic (Stream) menurusi modul e-Stream akan diperluaskan ke Tabika Kemas seluruh negara bermula Julai depan.

Katanya, sebanyak 13 lagi tema Stream seperti astronomi, automotif, robotik, marin, dan beberapa tema lain akan ditambah.

"Dijangka pada Julai, setiap tema ini akan selesai dibangunkan di 13 buah Tabika Rintis Pintar Stream, seterusnya pendidikan Stream ini diharap dapat dikembangkan dan aplikasikan dengan berkenaan di Tabika Kemas seluruh negara," katanya.

Tambah 50 lagi Tabika Transit

KUALA LUMPUR - Perlaksanaan Tabika Transit di Taman Bimbingan Kanak-Kanak Jabatan Kemajuan Masyarakat (Tabika Kemas) akan diperluaskan di 50 lagi tabika seluruh negara.

Ketua Pengarah Kemas, Datuk Amiruddin Ariffin, berkata, pada masa ini sebanyak 27 buah kelas rintis Tabika Transit telah beroperasi pada tahun lalu.

"Tabika Transit beroperasi bermula jam 1 petang hingga 5.30 petang dan diuruskan oleh Jawatankuasa Aktiviti Tabika dengan kawalan dan Pemantauan Kemas.

"Sebanyak 50 lagi akan ditambah melibatkan kawasan dalam bandar dan pinggir bandar di mana kawasan-kawasan ini kebanyakannya ibu dan

bapa bekerja, jadi ia akan memberi kemudahan kepada mereka.

"Kadar bayaran bagi Tabika Transit adalah antara RM100 hingga RM250 bergantung kepada jumlah kanak-kanak," katanya, semalam.

Sementara itu, beliau berkata, sebanyak tujuh lagi Tabika Kemas akan dibina di seluruh negara tahun ini menerusi peruntukan pembangunan berjumlah RM9.8 juta.

"Tabika Kemas yang akan dibina masing-masing di Selangor, Terengganu, Sabah, Sarawak dan 3 di Kedah," katanya.

Menurutnya, sehingga 2 Januari lalu, seramai 202,349 kanak-kanak telah mendaftar ke Tabika Kemas.

KETERANGAN AKHBAR